

Selamat Datang **NAIB CANSELOR UiTM** yang baharu - PROF. IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM

SHAH ALAM – Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim telah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang baharu berkuat kuasa 15 Februari 2019. Dipetik dari Kementerian Pendidikan Malaysia, pelantikan beliau sebagai Naib Canselor UiTM adalah berdasarkan kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan pencapaian ketika memegang jawatan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah Pendidikan Profesional, Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSpace) dan jawatan utama sebelumnya sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

YBhg. Prof. dilahirkan di Perak pada 15 Julai 1958 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of Manchester Institute of Science and Technology (MIST), United Kingdom pada 1981.

Seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di universiti sama pada 1983 dan memperoleh Ijazah Kedoktoran pada 1992 dari University of Newcastle Upon-Tyne, United Kingdom.

Dari segi pengalaman pentadbiran di peringkat universiti, beliau pernah menyandang jawatan Dekan UTMSpace, Dekan Hal Ehwal Antarabangsa UTM, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTM dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM.

Seluruh warga universiti amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan YBhg. Prof Ir Dr Mohd Azraai Kassim sebagai Naib Canselor UiTM yang baharu. Semoga dengan pelantikan ini, visi dan misi UiTM untuk menjadi sebuah universiti unggul yang cemerlang serta menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional di Malaysia dan antarabangsa akan terus diperkasakan.





Biodata

YBhg. Prof. Ir. Dr.
Mohd Azraai Kassim

Pendidikan

1992

PhD Kejuruteraan Alam Sekitar
University of Newcastle

1983

Sarjana Sains Kejuruteraan
Kesihatan Awam
University of Manchester
Institute of Science and Technology
(UMIST) United Kingdom

1981

Sarjana Muda Sains
Kejuruteraan Awam
University of Manchester
Institute of Science and Technology
(UMIST) United Kingdom

Pengalaman Kerjaya

2000 - Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan)
UTM

2004 - Dekan
School of Professional
and Continuing Education
UTM (SPACE)

2009 - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
UTM

2012 - Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
UTM

2015 - Pengarah Urusan dan CEO
(UTMSPACE)

INTI PATI UCAPAN

Pendekatan kepimpinan yang akan diambil:

- Bersedia mendengar pandangan dari semua pihak
- Menjalankan musyawarah bagi mendapatkan persetujuan sebelum membuat keputusan
- Meneruskan dasar dan inisiatif yang baik oleh pemimpin-pemimpin UiTM sebelum ini
- Membawa idea dan cadangan baharu sebagai usaha penambahbaikan



Saya amat menggemari mereka yang kuat bekerja, memberikan hasil yang berimpak tinggi, bertindak balas dengan pantas dan rajin



UiTM is already a good university; what is needed now is for us to transform into a great university



Kekuatan UiTM

- Graduan UiTM fasih berbahasa Inggeris
- Sistem pengajaran dan pembelajaran UiTM menggalakkan aktiviti keusahawanan
- Universiti Komprehensif yang menawarkan kepelbagaiannya program - mewujudkan sinergi gabungan antara bidang dalam penyelidikan
- Keberadaan UiTM di setiap negeri



Perancangan awal untuk UiTM

- Meningkatkan penarafan UiTM sebagai penanda aras kemajuan dan penjenamaan organisasi
- Meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan teknologi terkini dan Revolusi Industri (IR4.0)
- Menjadikan UiTM sebagai universiti berteraskan penyelidikan, keusahawanan, inovasi dan penerbitan



Bagi merealisasikan perubahan, sokongan dan dokongan daripada warga UiTM kepada barisan pengurusan amat diperlukan



YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim
Naib Canselor
15 Februari 2019



KONVENTSYEN TANAH RIZAB MELAYU 2019

SHAH ALAM – Bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berlangsungnya Konvensyen Tanah Rizab Melayu 2019. Bertemakan “Menjunjung Wasiat Raja-Raja Melayu, Memelihara Tanah Rizab Melayu” bagi memberi pendedahan kepada masyarakat Melayu khususnya di dalam memahami secara mendalam permasalahan, isu dan cabaran yang dihadapi serta mengetahui secara ilmiah bagaimana masyarakat Melayu dapat meningkatkan ekonomi Tanah Rizab Melayu dengan memelihara serta membangunkan tanah tersebut secara sistematik.

Tanah Rizab Melayu (TRM) merupakan satu pusaka milik bangsa Melayu yang telah diwujudkan secara formal sejak era penjajahan British di Tanah Melayu. Ini telah diperkuuhkan lagi dengan kewujudan wasiat raja-raja Melayu berkenaan dengan Tanah Rizab Melayu sebelum merdeka lagi. Sejak bermula kewujudan polisi dan perundangan pemilikan tanah bagi masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, sistem pemilikan tanah secara tradisi telah diamalkan di

kebanyakkan negeri-negeri Melayu sehingga kedatangan kuasa penjajah British.

Pada tahun 1913, Kerajaan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah meluluskan undang-undang rizab Melayu di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang serta meluaskannya ke negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor bermula dari tahun 1930 hingga 1941. Setelah lebih 100 tahun kewujudan undang-undang Rizab Melayu, keluasan keseluruhan TRM masih tidak mencapai nisbah 50% sebagaimana yang telah diwasiatkan oleh Raja-Raja Melayu pada tahun 1957 dan dapat dilihat bahawa, saiz tanah tersebut tidak bertambah tetapi sebaliknya semakin menyusut sehingga kurang daripada 30%.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohamad Salmi Mohd Sohod, Penasihat Timbalan Perdana Menteri yang mewakili Timbalan Perdana Menteri. Pada majlis ini turut diserahkan Resolusi TRM yang telah dibaca oleh Penyandang Kursi Institusi Raja-raja Melayu, Prof Emeritus Datuk Dr Zainal Kling untuk disampaikan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.





MoU antara UiTM dan Livecube Global Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Livecube Global Sdn. Bhd telah berlangsung pada 19 Februari 2019 di Bangunan Canseleri Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Pihak UiTM yang diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Ir. Dr. Mohd Azraai Kasim, manakala Livecube Global yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Hermadiana Binti Mat telah terlibat dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU).

Majlis ini diadakan bertujuan bagi kedua-dua pihak bekerjasama dalam pembangunan dan pengkomersialan bahan plastik berdasarkan bio terbiodegrasi untuk menyokong usaha-usaha ke arah kehidupan tanpa plastik pada 2018-2030 dan Malaysia yang lebih sihat menjelang 2030. Selain itu juga, projek ini dicetuskan oleh Prof. Madya Dr. Rahmah Mohamed selaku Ketua kumpulan Penyelidikan Green polymer, Fakulti Sains Gunaan (FSG) UiTM Shah Alam.

Hasil perbincangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam aktiviti utama seperti kolaborasi penyelidikan khususnya dalam menghasilkan plastik/polimer/produk terbiodegrasi yang mesra alam. Melalui hasil penyelidikan yang telah dan akan dijalankan, penyelidik FSG UiTM akan bekerjasama untuk mengkomersilkan produk plastik yang berdasarkan bahan semulajadi daripada tumbuhan. Hal ini kerana, penggunaan bahan-bahan asas ini adalah selari dengan usaha menyahut seruan kepada teknologi hijau dan mesra alam.

Kedua-dua pihak berharap agar dengan perjanjian persefahaman ini, jalinan yang dibina dapat dimanfaatkan untuk semua khususnya dalam proses pembangunan plastik berkualiti tinggi yang bersifat terbiodegrasi selari dengan revolusi industry 4.0 dan agenda Malaysia Education Blueprint 2013-2025.



SEMANGAT MEMBARA

PASUKAN RAGBI UiTM LIONS 2019



8 Februari 2019 – Pasukan ragbi Universiti Teknologi MARA atau lebih dikenali sebagai UiTM Lions akan membuat kemunculan kali ketujuh di Kejohanan Liga Ragbi Premier Malaysia 2019 yang akan bermula dari 17 Februari sehingga 24 Mac 2019. Bagi musim 2019 ini UiTM Lions mensasarkan untuk beraksi di pentas akhir. Walaupun 70 peratus adalah pemain yang baru kali pertama beraksi dalam kejohanan ini, pihak pengurusan pasukan yakin untuk pasukan ragbi UiTM mencapai sasaran ini.

Bagi musim 2019, pasukan ragbi UiTM telah mendapat suntikan beberapa penaja bagi membantu pasukan seperti syarikat Hyba Quest dan SkyWorld Development Sdn Bhd. Pengeluar fabrik pakaian sukan, Fitech PLT juga akan menaja jersi pasukan ragbi UiTM bagi tujuan menjalin kerjasama penyelidikan untuk menghasilkan fabrik jersi ragbi. Menurut Ketua Jurulatih, Zamri Abd Kahar, jersi yang akan digunakan ini akan dapat membantu pemain untuk merasa lebih selesa dan sesuai mengikut keadaan fizikal pemain dan cuaca di negara kita ini. Ini seterusnya dapat membantu syarikat tempatan untuk mampu menghasilkan fabrik pakaian sukan yang lebih berkualiti setaraf dengan jenama sukan dari luar negara.

Pasukan ragbi UiTM Lions juga akan diperkuatkan dengan kehadiran empat pemain import dari Fiji yang telah mula menjalani latihan bersama pasukan pada hari semalam. Kapten pasukan skuad 15 sebelah negara, Mohd Syahir Asyraf Rosli juga akan membuat penampilan kali pertama membarisi pasukan UiTM Lions bagi musim kali ini. Untuk rekod, pasukan ragbi UiTM Lions berjaya bermain dipentas akhir pada musim 2013 bertemu pasukan Keris Conlay.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipiuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman



UiTM di hatiku

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM di hatiku
YouTube



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darlensakorporat